

Kerajaan akan pinda

UM 28 SEP 2002

SIMPANG PERTANG (Je-lebu) 27 Sept. — Kerajaan akan segera meminda enakmen tanah rizab Melayu khususnya di Wilayah Persekutuan dan Langkawi supaya ia boleh dibangunkan secara pajakan dengan syarikat-syarikat swasta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, pindaan kepada enakmen itu dianggap penting sebagai satu pendekatan baru membangunkan tanah-tanah rizab Melayu yang berpotensi untuk dimajukan.

Menurut beliau, Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkannya supaya menyediakan satu garis panduan mengikut undang-undang bagi mengemaskini tanah rizab yang terdapat di kedua-dua kawasan berkenaan.

“Saya akan membentangkan satu kertas khas bersama Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam kepada kabinet berkitan perkara ini minggu depan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian wati-

kah kerja kontraktor kelas F dan penyampaian cek pinjaman Tekun, di sini hari ini.

Rais memberi jaminan bahawa pegangan dari segi undang-undang, tanah rizab itu masih berada di tangan orang Melayu dan statusnya tidak akan lupus tetapi orang bukan Melayu boleh terlibat dalam projek ekonomi tersebut.

“Dalam urusan ini kita terpaksa meminda beberapa jadual yang membolehkan nanti syarikat yang berpotensi menjalinkan kerjasama melaksanakan projek ekonomi di tanah

enakmen tanah rizab Melayu

rizab berkenaan,” tambahnya.

Rais yang juga Ahli Parlimen Jelevu memberitahu, kerajaan akan menentukan bahawa pajakan atau sewaan yang dibenarkan hendaklah melebihi 50 tahun dengan program peningkatan ekonomi disusun bersama kerajaan negeri masing-masing.

Bagaimanapun katanya, ada sesetengah negeri mahukan tempoh itu dilanjutkan sehingga 66 tahun dan cadangan tersebut akan diteliti secara terperinci.

Buat permulaan, jelas Rais, pindaan enakmen itu hanya melibatkan dua kawasan berkenaan sebelum ia dilakukan kepada negeri-negeri lain.

“Apabila perkara ini dibentangkan nanti, saya menjangkakan segala aral atau halangan yang dihadapi oleh tanah rizab Melayu yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan menghadapi kesukaran untuk dibangunkan akan dapat diatasi.

“Ini membolehkan tran-

saksi pegangan tanah milik orang Melayu secara pajakan untuk tempoh tertentu dapat dilaksanakan tanpa banyak perhitungan seperti mana yang berlaku sebelum ini,” ujarnya.

Menurut beliau, jika pindaan enakmen itu menguntungkan semua pihak, beliau yakin kerajaan negeri lain akan tampil untuk meminda enakmen tanah rizab Melayu masing-masing.

Rais memberitahu, pindaan terhadap enakmen

itu turut melibatkan beberapa peruntukan tertentu di bawah Kanun Tanah Negara yang memerlukan tindakan yang setimpal oleh semua pihak yang terlibat.

Ditanya mengenai nisbah dari segi penglibatan dan pemilikan kepada kaum Melayu apabila dilaksanakan sesuatu projek ekonomi di atas tanah rizab berkenaan, katanya, ia terserah kepada kerajaan negeri untuk membuat ketentuan.